

NASKHAH PERCUMA

قربانن كاجوان اقتصادي كلنتن

IKMSAD

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

BIL 2 / 2013

www.pkink.gov.my



BINARAYA BANTU RAKYAT MILIKI RUMAH


► MS 5

Terima Kasih Tok Guru ► MS 12

PKINK Bantu Usahawan Pasarkan Ikan Pekasam ► MS 20

Majlis Jasamu Dikenang ► MS 22

Organization Restructuring ► MS 25



Dari Amru bin Auf RA katanya Rasulullah SAW bersabda:
“Sesungguhnya sedekah seseorang Islam itu memanjangkan umur dan mencegah daripada mati dalam keadaan teruk dan Allah SWT pula menghapuskan dengan sedekah itu sikap sombong, takbur dan membanggakan diri (dari pemberiannya).”

(Hadith Riwayat Bukhari)





- 5** Binaraya Bantu Rakyat Miliki Rumah
- 12** Terima Kasih Tok Guru
- 16** Sana Sini PKINK
- 20** PKINK Bantu Usahawan Pasarkan Ikan Pekasam
- 22** Majlis Jasamu Dikenang
- 23** Persaraan Anggota PKINK
- 24** Kursus Anjuran PKINK
- 25** Organization Restructuring
- 27** Wanita Fitnah Pakaian & Fesyen
- 29** JAWI: Enam Langkah Untuk Pengurusan Masa Yang Baik
- 31** Tip Kesihatan



Pembangunan Projek & Hartanah PKINK

Assalamualaikum wrt wbt

Salam sejahtera. Alhamdulillah, kita bersua kembali di dalam edisi kali ini. Saya kira tahun 2013 memperlihatkan satu perkembangan positif dalam pencapaian kumpulan PKINK khususnya dalam aspek projek dan hartanah. Perkembangan projek dan hartanah pada tahun 2013 adalah sangat memberangsangkan, terutamanya projek pembinaan yang dijalankan menerusi anak syarikat kumpulan PKINK.

SPP Development Sdn Bhd yang merupakan salah sebuah anak syarikat PKINK kini sedang menyiapkan projek perumahan di Tok Selehong melibatkan 101 unit kediaman termasuk 11 unit kedai pejabat, 11 unit teres 2 tingkat eksklusif. Fasa 3A yang merangkumi 79 unit teres 1 dan 2 tingkat telah dilaksanakan di atas tanah yang berkeluasan 56.29 ekar dengan kos bernilai 70 juta. Selain daripada itu pihak SPP juga sedang menyiapkan pembinaan apartment D'Perdana Sri Cemerlang setinggi 23 Tingkat yang akan menempatkan lebih dari 250 buah unit kediaman. Kerja pembinaan sudahpun bermula Oktober 2011. Kedua-dua projek ini akan memberi pulangan yang besar kepada kumpulan PKINK.

PKINK juga kini sedang berusaha untuk memastikan Kelantan mempunyai kondominium berkonsepkan kehijauan bernilai RM48 juta yang akan dilaksanakan di Lot 17 Seksyen 16, Jalan Hamzah berhampiran pusat beli-belah KB Mall, di sini. Projek pembangunan berkonsepkan kehijauan yang julung kali ini akan dibangunkan oleh Ken Property Sdn Bhd (KPSB), anak syarikat Ken Holding Berhad dengan kerjasama PKINK.

Projek kondominium 21 tingkat yang terdiri daripada 165 unit kediaman itu dijangka siap sepenuhnya dalam masa 6 tahun. Ia juga menyediakan kemudahan seperti pejabat pengurusan, surau, dewan masyarakat, tadika, gim, kolam renang dan kawasan permainan kanak-kanak. Selain itu, PKINK juga bakal memperoleh pulangan tidak kurang daripada RM5.7 juta hasil daripada projek ini.

Apa yang pasti, kita masih mempunyai beberapa projek dalam pembinaan seperti projek pembinaan di Perdana Resort dan pembinaan rumah-rumah kediaman di seluruh negeri Kelantan menerusi anak syarikat PKINK seperti Binaraya dan Kelkon. Mudah-mudahan pembangunan ini akan terus meningkat dalam memberi kebajikan dan manfaat kepada penduduk di Kelantan. In sya Allah.

Sekian, wassalam.

DR. HJ. WAN ZAWAWI BIN WAN ISMAIL

Timbalan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Korporat

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah
Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK

KETUA EDITOR

Dr. Hj. Wan Zawawi b. Wan Ismail
*Timbalan Ketua Eksekutif
Hal Ehwal Korporat*

PENOLONG EDITOR

Mohd Roslan Mohd Zain
*Penolong Pengurus Pengurusan
Sumber Manusia*

WARTAWAN

A Ubaidillah b. Alias
Tengku Petra b. Tengku Wook
Tuan Hissam b. Tuan Mamat
Sofia Aizan bt. Che Soh
Hawa bt. M. Salleh

JURUGAMBAR

Tengku Petra b. Tengku Wook
Tuan Hissam b. Tuan Mamat

PENGEDARAN

Unit Perhubungan Korporat

PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan
Tingkat 7 - 11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani,
15710 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09 - 7414141 Fax: 09-7414140

PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



Binaraya bantu rakyat miliki rumah

Oleh Mazlan b. Mat Jusoh

SELARAS dengan temanya Kelantan Negeri Berkeadilan, kerajaan negeri memastikan rakyat miskin juga mampu memiliki rumah sendiri. Golongan dhaif dibantu bagi membolehkan mereka dapat berindung daripada panas dan hujan.

Bermula dengan program rumah dhuafat, keluarga miskin yang mempunyai bilangan anak ramai dibantu mendiami rumah lebih selesa.

Rumah berharga RM28,000 dibina kerajaan negeri menggantikan rumah lama yang menunggu masa menyembah bumi. Begitu juga bagi keluarga miskin yang berpendapatan tidak menentu, impian memiliki rumah lebih selesa seolah-olah bermimpi di siang hari.

Segala masalah itu turut dikongsi bersama kerajaan negeri. Kepemimpinan ulama tidak mahu zink bocor dan atap berlubang dibiarkan membasahkan anak-anak yang sedang diulik mimpi di tilam usang.

PROJEK KERAJAAN NEGERI KELANTAN
CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN
30 UNIT RUMAH MAMPU MILIK (TAMAN UBUDIYAH)
BATU 23, JALAN MACHANG - KOTA BHARU MUKIM LABOK,
MACHANG, KELANTAN

PEMILIK
 KERAJAAN NEGERI KELANTAN
 BAGIAN PERUBAHAN
 BLOK 2, WATA DARUL HANA,
 15200 KOTA BHARU
 TEL : 09-7431379 FAX : 09-7432272

PELAKSANA

BINARAYA
 BINARAYA PINK SDN BHD (12017-U)
 PT 747, BANGUNAN BINARAYA,
 JALAN ABDUL KADIR ADABI,
 15200 KOTA BHARU
 TEL : 09-741445085 FAX : 09-7414450

ARKITEK
 SHAH ARCHITECT
 PT 353, LEVEL 2,
 JALAN SULTAN YAHYA PETRA,
 15200 KOTA BHARU T
 TEL : 09-7431379 FAX : 09-7431379

JURUTERA CIVIL & STRUKTUR
 MZAH PERUNDING
 LOT 2009, TINGKAT 2,
 JALAN SULTAN YAHYA PETRA,
 15200 KOTA BHARU
 TEL : 09-7422026 FAX : 09-7422029

JURUTERA MEKANIKAL & ELEKTRIKAL
 E.HAM CONSULT SDN BHD
 5L-17, TINGKAT 2
 MENARA PERBADAHAN,
 JALAN TENGGU PETRA SEMERAK
 TEL/FAX : 09-7448225

JURUKUR BAHAN
 IHSAN BERSATU ENTERPRISE
 LOT PT 748, TKT 3,
 JALAN ABDUL KADIR ADABI, BEREK 13
 15200 KOTA BHARU
 TEL 09-743580 FAX 09-743290

NO. KELULUSAN

Projek perumahan kos rendah yang
dibina Binaraya Sdn. Bhd.



Agenda menyediakan rumah mampu milik kini menjadi fokus utama kerajaan negeri. Di bawah kepimpinan baru diketuai Ustaz Dato' Ahmad Yakob, sasaran memenuhi impian rakyat memiliki rumah diberi keutamaan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

Hambatan pertama kerajaan negeri bermula apabila hak rakyat Kelantan untuk memiliki rumah di bawah program rumah awam kos rendah (RAKR) dinafikan kerajaan pusat.

Sejak 1990 Kelantan dinafikan hak mendapat peruntukan bagi membina rumah awam kos rendah. Deraan bersifat politik itu menyebabkan kerajaan negeri terpaksa mencari ikhtiar sendiri.

Agenda membantu rakyat miskin tetap diteruskan dengan kadar kemampuan yang ada. Bermula dari situlah gandingan erat agensi kerajaan negeri dan pihak swasta digemblengkan.

Projek pertama rumah kos rendah dibina kerajaan negeri pada awal 1990-an di Pengkalan Chepa. Lebih 300 unit rumah jenis berkembar empat dibina.

Setiap rumah lengkap dengan parkir dan laman di bahagian hadapan. Keutamaan projek itu diberi kepada penghuni-penghuni rumah rakit di Sungai Kelantan.

Rumah tersebut ditawarkan pada harga RM25,000. Biar pun mereka tidak mempunyai sumber rezeki tetap, namun pendapatan anak-anak boleh membantu.

Agenda menyediakan rumah mampu milik kini menjadi fokus utama kerajaan negeri. Di bawah kepimpinan baru diketuai Ustaz Dato' Ahmad Yakob, sasaran memenuhi impian rakyat memiliki rumah diberi keutamaan.

RUMAH MAMPU MILIK

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Dato' Abdul Fattah Mahmood berkata, dalam tempoh lima tahun kerajaan negeri menetapkan sasaran membina 5,000 rumah mampu milik. Ia bagi membantu penduduk berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

Katanya, sasaran itu bakal menjadi kenyataan di mana tahun ini sebanyak 2,000 unit dijangka disiapkan.

"Sasaran 5,000 dibuat memandangkan sehingga sekarang terdapat 6,000 permohonan memiliki rumah



Rumah kos rendah dibina kerajaan negeri di Taman Ubudiah, Labok, Machang



mampu milik di Kelantan,” katanya di sini.

Tugas tersebut kini dipikul Bahagian Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK). Selain itu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

PKINK diwakili Binaraya PKINK Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd, Sinaran Pantai Timur Consortium Berhad dan SPP Development Sdn Bhd.

Manakala PMBK dikepalai Tunjong Development Corporation Sdn Bhd yang terbabit aktif dalam sektor hartanah. Kerajaan negeri juga turut mendapat kerjasama pemaju swasta.

Pengurus Pemasaran dan Jualan Binaraya, Mazlan Zawawi mengakui kerajaan negeri terpaksa menampung banyak subsidi bagi membolehkan rumah kos rendah mampu dimiliki rakyat berpendapatan rendah.

“Bagi mengekalkan harga di pasaran yang mampu dimiliki penduduk miskin, rumah kos rendah hanya boleh dibina di tanah milik kerajaan.

“Dan sekiranya kos tanah diambil kira sudah tentu harga jualan akan meningkat,” katanya di sini.

Abdul Fattah pula memberitahu rumah mampu milik kos rendah di Kelantan ditetapkan harga antara RM42,000 hingga RM99,000.

Katanya, projek rumah mampu milik yang dibina kerajaan negeri di Taman Ubudiah Labok, Machang sebanyak 30 unit kini siap sepenuhnya.



Dato' Abdul Fattah Mahmood

“Kerajaan negeri sedang meneliti senarai pemohon yang layak memiliki rumah tersebut. Keutamaan diberi kepada penduduk tempatan,” ujarinya.

Pemohon dipastikan berpendapatan bulanan bawah RM1,500.

Kata Mazlan rumah kos rendah tersebut dibina melibatkann kos kira-kira RM80,000 setiap seunit. Ia termasuk penyediaan prasarana lain. Projek tersebut kini siap sepenuhnya, dilengkapkan jalan bertar dan sistem perparitan.

Kedudukan Taman Ubudiah begitu strategik tidak jauh dari Jalan Machang-Kota Bharu di Labok. Hanya dipisahkan pagar dengan Masjid Batu 30.

Bagaimanapun kerajaan negeri terpaksa menampung banyak subsidi bagi membolehkan ia dijual di paras harga RAKR.

Menurut beliau juga permintaan rakyat Kelantan untuk memiliki rumah begitu tinggi, di mana dianggarkan sebanyak 5,000 unit setahun.

Jumlah tersebut bagi kesemua jenis rumah yang ditawarkan termasuk kos sederhana dan mampu milik.

Usaha kerajaan negeri juga menyediakan lebih banyak rumah kos rendah turut mendapat kerjasama Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (Maik). Agensi itu turut membantu membina rumah melalui bantuan zakat.

Program itu dikenali sebagai Pembinaan Rumah Orang Miskin MAIK. Program berkenaan bermula sejak



Selain itu mengandungi sebanyak 156 unit rumah kos sederhana berharga lebih RM70,000. Di taman perumahan berkenaan sehingga kini terdapat lebih 500 unit rumah dibina Profil Impian di kawasan seluas 90 ekar. Projek perumahan juga sedang dibangunkan di Bukit Marak.

2004. Rumah dibina bernilai RM32,000 hingga RM35,000 seunit.

Mereka yang layak menerima bantuan tersebut termasuk fakir dan miskin, ibu tunggal, pesakit kronik, keluarga bilangan ramai serta tidak mempunyai rumah sendiri. Manakala kerajaan negeri pula mengendalikan skim bantuan rumah dhuafat diperkenalkan sejak 2007.

Pada 2011 peruntukan sebanyak RM100,000 setahun diberi kepada setiap Dun bagi membina rumah berkenaan. Pada peringkat awal sebanyak 135 rumah bernilai antara RM28,000 hingga RM35,000 dibina di seluruh Kelantan. Program itu juga meliputi membaik pulih rumah sedia ada.

Sebelum itu setiap Dun diperuntukan sebanyak RM60,000 setahun. Dan pada Bajet 2013 kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM9 juta bagi membina rumah mampu milik.

Kerajaan negeri juga akan melancarkan projek perumahan mampu milik di Pasir Genda, Kemahang. Ia membabitkan pembinaan sebanyak 28 unit.

Selain itu merancang membina lima blok apartmen setinggi lima tingkat, bakal mengandungi 400 unit di Badang, Pengkalan Chepa. Fasa pertama sebanyak 200 unit akan dibina di tanah milik kerajaan seluas enam ekar.

Selain itu Tunjung Development Corporation pula bekerjasama syarikat swasta membina rumah mampu milik di kawasan seluas 60 ekar di Gua Musang.

Projek itu bakal mengandungi 500 unit, di mana 122 unit daripadanya rumah mampu milik ditawarkan

bawah RM100,000.

Di Gua Musang juga sedang giat dibangunkan projek Bandar Utama yang mengandungi sebanyak 487 unit rumah mampu milik. Sebanyak 360 unit fasa pertama projek berkenaan sudah disiapkan.

PROJEK PERUMAHAN PKINK

PKINK pula sehingga kini membina sebanyak 1,638 unit rumah di Desa Kemumin, Pengkalan Chepa. Selain itu Binaraya PKINK turut membina projek perumahan di Mukim Guntong, Daerah Limbat, Kota Bharu pada 2008.

Di Machang, perumahan PKINK dibina di Padang Selising di kawasan seluas 38 ekar disiapkan fasa pertama pada 1995.

Projek awal Binaraya mewujudkan taman perumahan di Desa Darulnaim, Pasir Tumbuh pada 1983.

Profil Impian Sdn Bhd pula menumpukan projek perumahan di Taman Kurnia Jaya bermula 1995. Terdapat sebanyak 352 unit rumah kos rendah ditawarkan dengan harga RM30,000. Projek rumah kos rendah tersebut membabitkan kos kira-kira RM10.5 juta.

Selain itu mengandungi sebanyak 156 unit rumah kos sederhana berharga lebih RM70,000. Di taman perumahan berkenaan sehingga kini terdapat lebih 500 unit rumah dibina Profil Impian di kawasan seluas 90 ekar. Projek perumahan juga sedang dibangunkan di Bukit Marak.

Binaraya turut membangunkan projek perumahan

di Sungai Durian, Kuala Krai di kawasan seluas 35 ekar. Sebanyak 300 unit rumah siap dibina fasa pertama.

Di Jeli rumah kos sederhana ditawarkan harga bawah RM100,000 dibina pada 2007 sebanyak 160 unit.

Mazlan berkata, sekarang rumah teres kos sederhana sebanyak 45 unit sedang dalam pembinaan di Jeli ditawarkan harga RM160,000 namun sudah habis dijual.

Selain itu rumah teres dua tingkat juga sedang dibangunkan sebanyak 97 unit dijual dengan harga lebih RM200,000.

Di Pasir Mas projek perumahan dibina di Gual Periuq, Rantau Panjang. Manakala sebuah lagi anak syarikat PKINK, Sinaran Pantai Timur membangunkan premis perniagaan di kawasan bebas cukai Rantau Panjang.

Di Tumpat SPP membangunkan projek perumahan di Kampung Tok Selehor. Binaraya pula membangunkan projek perumahan di Kok Seraya dan di Pengkalan Kubur.

Di Machang, taman perumahan baru diwujudkan Binaraya di Jalan Hospital membabitkan kawasan seluas 38 ekar. Projek itu dilaksanakan sejak 1995, kini mengandungi 280 unit rumah.

Binaraya juga memberi tumpuan membina rumah jenis banglow memandangkan permintaannya agak tinggi. Sebanyak 58 unit rumah tersebut dibina di Kampung Jelatok, Tanah Merah yang dijual pada harga RM160,000 pada 2007, namun sekarang harga melonjat kepada lebih RM200,000.

Sejak 1990 sehingga sekarang Binaraya membina hampir 10,000 unit rumah bagi keperluan rakyat Kelantan. Sasarannya menyiapkan 300 unit bagi tempoh setahun.

PEMBANGUNAN BANDAR BARU

Ketika agensi kerajaan negeri sedang giat melaksanakan tanggungjawab membina kediaman kepada rakyat, pemaju swasta pula rancak membangunkan bandar baru.

Maarj Development Sdn Bhd iaitu anak syarikat Great Vision sedang membangunkan kompleks Al Waqf di Bandar Baru Tunjung.

Pembangunan Al Waqf meliputi Al Waqf Garden Boulevard (lot kedai), Al Waqf Garden Residence dan Al Waqf Suites. Al Waqf Garden Boulevard bakal dilengkapi ruang niaga sebanyak 93 unit, Al Waqf Garden Residence





Rumah dhuafat yang dibina kerajaan negeri di Dabong, Kuala Krai

(206 unit) dan Al Waqf Garden Suites (294 unit).

Ujian cerucuk projek berkenaan dimulakan Disember 2012 dan pembinaan fasa satu sedang dilaksanakan.

Fasa satu dijangka siap pada 2017 akan menjadi mercu tanda baru yang agak unik bagi menarik lebih ramai pelancong ke Kelantan. Al Waqf sebelum ini dikenali sebagai Tunjong Pavilion.

Bandar Baru Tunjong merupakan antara empat kawasan pertumbuhan baru di Kota Bharu selain Lembah Sireh, Kubang Kerian dan Pasir Tumbuh.

Liziz Standaco Sdn Bhd pula membangunkan bandar baru di Lembah Sireh. Pengarah Urusannya, Dato' Guok Nguong Peng berkata, pembangunan di kawasan seluas 716 ekar dimulakan pada 2003.

“Mengikut rancangan awal sebanyak 1,000 ekar dibangunkan bagaimanapun sebahagian lagi dikeluarkan ekoran projek tebatan banjir yang dilaksanakan kerajaan pusat,” katanya.

Hari ini Lembah Sireh menjadi pusat pertumbuhan baru yang menempatkan pusat membeli belah Tesco, Kolej Pengajian Tinggi Mara, terminal bas ekspres, ruang pejabat dan perniagaan.

Selain itu Bandar Baru Satelit Islam Pasir Tumbuh pula dibangunkan MSO Corporation Sdn Bhd. Syarikat milik Bumiputera itu ditubuh pada Jun 1993 sebagai syarikat pembinaan dan landskap. Bandar Satelit Islam Pasir Tumbuh dibangunkan MSO sebagai projek usaha sama dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.

“Kuasa beli rakyat terhadap projek perumahan begitu tinggi sekali di Kelantan setanding negeri-negeri maju lain.”



Keempat-empat bandar baru tersebut dibangunkan di bawah kepimpinan ulama. Ternyata Kota Bharu sudah jauh berbeza berbanding 20 tahun lalu.

PERMINTAAN RUMAH TINGGI

Mazlan juga berkata, permintaan untuk memiliki rumah kebanyakan datang daripada golongan muda yang baru bekerja.

“Kuasa beli rakyat terhadap projek perumahan begitu tinggi sekali di Kelantan setanding negeri-negeri maju lain.

“Eksekutif-eksekutif muda lebih berminat membeli rumah yang sudah siap berbanding membina sendiri rumah kerana ia agak merumitkan,” katanya.

Bagaimanapun kata beliau majoriti rakyat Kelantan lebih berminat membina sendiri rumah yang dibina di atas tanah milik keluarga.

Memandangkan pasaran rumah begitu tinggi, lebih banyak pemaju berminat menjual rumah kos sederhana memandangkan pulangan keuntungan lebih menarik. Namun ia memberi impak kepada penduduk berpendapatan rendah.

Oleh itu kata Mazlan rumah kos rendah masih boleh dibina dengan syarat kerajaan menetapkan harga siling bahan binaan dan projek dibangunkan di atas tanah milik kerajaan.

“Sekiranya elemen-elemen itu tidak dapat dipertahankan sudah tentu pemaju bermasalah untuk membina rumah kos rendah kerana mereka terpaksa menanggung bebanan kos lebih tinggi,” ujarnya.



TIP-TIP MEMBELI RUMAH

Di Kelantan sekarang terdapat kira-kira 120 pemaju berlesen yang berdaftar dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Bagaimanapun pemaju tanpa lesen juga tidak sedikit di Kelantan.

Oleh itu Mazlan yang berpengalaman dalam bidang hartanah menasihatkan pembeli memastikan beberapa perkara sebelum membuat keputusan membeli rumah:-

1 Pastikan pemaju yang menawarkan projek perumahan berlesen

2 Selidiki terlebih dahulu latar belakang syarikat memastikan ia tidak disenaraihitamkan kerajaan.



Oleh: Mazlan b. Mat Jusoh



Terima kasih Tok Guru

TIDAK ramai yakin seorang lelaki berserban dan berbaju Melayu mampu mentadbir sebuah negeri. Watak seperti itu sebelum ini sering kita lihat di pondok-pondok pengajian agama dan masjid.

Belum pernah ditemui seorang yang berjawatan tinggi dalam kerajaan memiliki perwatakan sedemikian. Namun tanggapan lama itu kini semakin lenyap.

Kehadiran Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 21 Oktober 1990 sebagai ketua kerajaan negeri mencatat sejarah baru politik negara. Seorang tok guru yang alim dalam bidang agama menduduki kerusi Menteri Besar.

Panggilan tok guru memang terlalu asing bagi pegawai kerajaan ketika itu. Belum pernah berlaku dalam sejarah kemerdekaan Malaysia panggilan tok guru diberi kepada seorang yang berjawatan Menteri Besar.

Namun semuanya itu sekarang bukan lagi perkara pelik. Kelantan mencetus paradigma baru. Sejak 1990, kepemimpinan ulama yang dicetus PAS pada muktamar 1982 sekarang benar-benar direalisasikan dalam pentadbiran negeri.

Bukan lagi sekadar memimpin sebuah gerakan Islam, sebaliknya sebuah kerajaan yang lengkap dengan segala jentera pentadbiran.

Kemunculan kepemimpinan ulama di Kelantan bukan meneruskan sisa-sisa ditinggalkan kerajaan Barisan Nasional (BN), sebaliknya ada perubahan baru yang berwajah Islam.

Sejak hari pertama menduduki kerusi Menteri Besar,

Tok Guru mencetus hala tuju baru pentadbiran negeri. Semua perubahan bukan diasas berpandu kitab sekular dan fahaman nasionalisme yang dibawa dari barat, sebaliknya pemikiran berlatarbelakangkan al Quran, Sunnah dan ijmak ulama.

Bermula dari detik itulah beberapa perubahan dilakukan bagi menyuburkan kembali Islam dengan siraman agama termasuk berkaitan bidang ekonomi dan urus tadbir negeri.

Antaranya yang masih kita ingat iaitu:-

1 Memindahkan akaun simpanan tetap kerajaan negeri daripada bank konvensional kepada Bank Islam. Bermula dari situlah kaunter perbankan Islam mulai tumbuh seperti cendawan di bank-bank konvensional, sebelum wujud sistem perbankan Islam sepenuhnya di bank terbabit. Sekarang banyak bank membuka cawangan perbankan Islam termasuk Maybank, Bank Muamalat, Hong Leong Islamic Bank dan CIMB Islamik.

2 Membuka Ar Rahn (sistem gadaian Islam). Ar Rahn dicetus di Kelantan pada 1992 dengan menawarkan pilihan kepada orang ramai untuk menggadai barangan kemas mereka bagi mendapatkan tunai segera. Sejak kewujudan Ar Rahn kerajaan negeri tidak lagi mengeluarkan lesen premis baru bagi pusat gadaian konvensional yang mengekalkan sistem riba. Sehingga sekarang Ar Rahn (Rahn) berkembang pesat. Malah Ar Rahn mempunyai cawangan hampir di seluruh negara. Banyak institusi seperti Yayasan Pembangunan



Tuan Guru Nik Abdul Aziz menyampaikan cenderahati sumbangan Ladang Rakyat kepada seorang penerima

Ekonomi Islam Malaysia, Bank Rakyat dan Bank Islam juga mengendalikan Ar Rahn.

3 Memperkenalkan bekerja lima hari seminggu. Kelantan negeri pertama di negara ini memperkenalkan cuti mingguan dua hari seminggu. Sedangkan sebelum itu rehat hanya sehari setengah, di mana hari Khamis bekerja separuh hari dan Jumaat cuti. Namun bermula pada pertengahan 1990-an Kelantan mengumumkan cuti mingguan dua hari seminggu iaitu Jumaat dan Sabtu, di mana Jumaat dijadikan hari menuntut ilmu agama dan Sabtu untuk rekreasi bersama keluarga. Ekoran pelaksanaan itu kerajaan pusat juga memperkenalkan cuti dua hari seminggu pada minggu pertama dan ketiga, manakala minggu kedua dan keempat hari bekerja pada Sabtu. Bagaimanapun sistem tersebut menyusahkan orang ramai sehingga kerajaan pusat meniru sepenuhnya apa yang dilakukan di Kelantan.

4 Mengekalkan Kelantan sebagai negeri pertanian. Biar pun negeri-negeri lain sudah melangkah jauh dalam bidang industri, namun Kelantan mengekalkan status sebagai negeri pertanian. Biar pun begitu sektor industri juga diberi keutamaan. Malah ketika berlaku kegawatan ekonomi pada 1998 dan kekurangan beras di pasaran, namun rakyat Kelantan kurang terasa kesannya kerana pengeluaran beras tempatan melebihi permintaan. Kelantan juga merancang muncul sebagai Jelapang Negara pada tahun 2015.

5 PKINK peneraju sektor pembuatan. PKINK menubuh anak-anak syarikat bagi meneroka sektor hartanah iaitu Binaraya Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd, Sinaran Pantai Timur Konsortium Sdn Bhd, SPP Development Sdn Bhd bagi membangunkan sektor hartanah di Kelantan. Malah Kelkon juga terbabit dalam pembinaan jalan raya, jambatan, kompleks pejabat dan premis perniagaan.



6 Menyediakan skim baja subsidi padi. Skim baja subsidi diperkenalkan kerajaan negeri selepas ramai petani dinafikan hak mendapat baja subsidi cap dacing yang dikeluarkan kerajaan pusat. Sebahagian besar petani terbabit dinafikan hak kerana faktor politik, di mana mereka tidak menyokong Umno dan BN. Setiap tahun kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi menyediakan baja subsidi. Kilang baja beroperasi di Wakaf Bharu, Tumpat diurus di bawah Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd, anak syarikat kepada PKINK.

7 Mewujudkan jajahan kecil Lojing. Jajahan kecil Lojing diwujudkan bagi memudahkan kerajaan negeri mengurus pembangunan Lojing, yang mana sebelum ini berada di bawah pentadbiran jajahan Gua Musang. Lojing yang terkenal dengan hawa sederhana sesuai bagi tanaman sayur-sayuran, buah-buahan beriklim sejuk dan teh. Sekarang terdapat Pejabat Pentadbiran Lojing yang diketuai seorang ketua jajahan. Kewujudan jajahan kecil di Lojing memudahkan pemantauan pembangunan tanah di kawasan tersebut.

8 Memperkenalkan Dinar dan Dirham. Kelantan negeri pertama di negara ini memperkenalkan matawang Dinar dan Dirham



Mata wang Dinar yang dikeluarkan kerajaan Kelantan



Iklan wanita menutup aurat hanya dibenarkan di Kelantan

sebagai stok penyimpanan nilai. Wang siling Dinar dan Dirham mendapat sambutan hangat ketika mula diperkenalkan. Sejak usaha itu dilakukan Dinar dan Dirham mulai dikomersialkan pelbagai pihak sebagai satu bentuk pelaburan baru. Kerajaan negeri juga mewujudkan Kelantan Golden Trade bagi mengurus pengeluaran Dinar dan Dirham.

9 Pinjaman tanpa faedah bagi pegawai kerajaan. Kakitangan kerajaan negeri berpeluang membuat pinjaman tanpa faedah bagi memiliki aset termasuk kenderaan dan kediaman. Pinjaman tersebut tidak dikenakan sebagai faedah seperti diamalkan mana-mana institusi kewangan di negara ini. Langkah itu dibuat bagi mengelakkan kakitangan kerajaan dibebani bayaran bunga yang cukup membebaskan mereka ketika membuat pinjaman peribadi.

10 Kerjasama agensi kerajaan negeri dan swasta. Kerajaan negeri menggalakkan agensi dan pihak berkuasa tempatan mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta bagi membangunkan premis perniagaan dan bandar baru. Langkah tersebut membuah kejayaan memberangsangkan apabila bandar baru banyak diwujudkan di Kelantan termasuk di Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Kuala Krai, Gua Musang, Bachok, Rantau Panjang, Machang dan Tanah Merah. Di Kota Bharu terdapat empat kawasan pertumbuhan baru iaitu di Lembah Sireh, Kubang



Kedai pajak gadai Islam (Ar Rahn) milik Pemodal Kelantan Bhd

Kerian, Tunjung dan Pasir Tumbuh. Manakala di Gua Musang, Bandar Baru Gua Musang dan Bandar Utama yang sedang dalam pembinaan sekarang. Di Kuala Krai pula di Sungai Durian, Guchil dan Jalan Kuala Krai-Gua Musang.

11 Mewujudkan kawasan industri baru. Biar pun kekal sebagai negeri pertanian, namun sektor perindustrian turut diberi perhatian. Kawasan industri baru diwujudkan di Tok Bali, Mukim Apam di Pasir Mas, Gua Musang, Batu Jong di Kuala Krai, Padang Tembak di Pengkalan Chepa dan Lundang di Kota Bharu. Mulai tahun 2014 kerajaan negeri memperluaskan misi menarik pelabur dari Asia Barat dan Asir Timur.

12 Pelabuhan perikanan di Tok Bali. Tok Bali kini mengambil alih peranan Kuala Besut sebagai pusat pendaratan ikan terbesar di Pantai Timur. Deretan jeti pendaratan ikan dibina di terusan Semerak menjadi tumpuan nelayan laut dalam dari Terengganu, Pahang, Johor, Thailand dan tempatan. Malah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga membina jeti pendaratan ikan di Tok Bali. Selain itu terdapat juga dermaga bagi membina dan membaikpulih kapal dan bot-bot nelayan. Sebuah pelabuhan juga sedang dalam pembinaan di Tok Bali di bawah projek Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER).

13 Industri petrokimia di Pantai Senok . Mengambil kira di luar pantai Kelantan mempunyai telaga minyak dan gas, kerajaan negeri mewujudkan kawasan industri petrokimia di Pantai Senok, Bachok membabitkan kawasan seluas 1,000 ekar. PKINK pada peringkat awal mewujudkan anak syarikat iaitu Keloil Sdn Bhd bagi membuat selinder gas dan mengisi gas dalam selinder (balang). Pada awal 1990 PKINK menandatangani perjanjian persefahaman dengan Koperasi Usaha Bersatu (KUB) agensi milik kerajaan pusat bagi membangunkan industri petrokimia di Pantai Senok. Bagaimanapun malangnya kerajaan pusat memindahkan pendaratan gas dari perairan Kelantan ke Songkhla di selatan Thailand. Malah kedudukan Pantai Senok jauh lebih dekat berbanding Songkhla sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos lebih tinggi. Memandangkan keengkarman tersebut menyebabkan kerajaan negeri menjual pemilikan saham dalam Keloil yang kini diurus syarikat lain.



Seorang wasi menerima pampasan skim Takaful Kifaalah disampaikan Tuan Guru Nik Abdul Aziz

14 Sektor pelancongan. Sektor pelancongan juga menjadi penyumbang utama kepada pendapatan rakyat Kelantan. Pelancong tempatan setiap hujung minggu memenuhi Pasar Siti Khatijah serta kawasan bebas cukai di Pengkalan Kubur, Tumpat dan Rantau Panjang. Kehadiran ramai pelancong juga menyebabkan industri perhotelan dan rumah tumpangan kini semakin berkembang. Malah pengangkutan udara menghubungkan Kota Bharu dengan bandar-bandar utama di negara ini iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu semakin mendapat sambutan. Selain itu ada juga penerbangan terus dari Kota Bharu ke Singapura. Manakala perkhidmatan bas ekspres Kelantan antara paling sibuk. Malah perkhidmatan kereta api ekspres juga ditambah kepada tiga kali sehari menghubungkan Tumpat dengan Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

15 Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan. Dicitus mulai 2005 sebagai suatu gerakan bagi menggalakkan rakyat Kelantan hidup berdikari. Rakyat Kelantan digalakkan menceburi diri dalam bidang perniagaan. Program tersebut dikendalikan di bawah portfolio Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia dengan kerjasama Pupuk Nilai Murni Bhd. Gerakan berdikari menganjurkan ekspo perdagangan di luar negara termasuk Singapura bagi mengetengahkan produk buatan Kelantan. Selain itu ekspo berdikari juga diadakan di setiap jajahan di Kelantan. Program tersebut berjaya melahirkan usahawan baru termasuk pengusaha kedai kek dan biskut di Dataran Usahawan Pulau Chondong.



Sumbangan kepada anggota Kumpulan yang menerima musibah



PKINK Turut Menyertai Karnival Walk With Me 2013



Majlis Diskusi TPPA Anjuran Bersama MTEM dan DPMMNK Dengan Kerjasama PKNIK



Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antara PKINK Melawan ADUN



Sumbangan Korporat Untuk Penarik Beca dan Balu Anggota PKINK



PKB Rai Golongan Miskin Dalam Majlis Berbuka Puasa di Hotel Raudah



Sumbangan Hari Raya Untuk Anggota PKINK



Majlis Penyerahan Sumbangan Ihya' Ramadhan



Oleh: Tuan Mohd Nor b. Tuan Yahya

PKINK bantu usahawan pasarkan ikan pekasam

PASIR PUTEH – Kesungguhan pengusaha Ikan Pekasam Hanapi Yaakub di Kampung Tasik Pauh, Selising dalam menjalankan usaha tersebut seharusnya dijadikan contoh oleh penduduk kampung lain.

Dengan mendapat bekalan tetap dari lima nelayan sungai, Haji Hanapi yang lebih dikenali dengan Paksu Napi dapat mengumpul pelbagai jenis ikan Air Tawar seperti Ikan Loma, Lapan Jawa, Haruan dan Pepuyu untuk dijadikan ikan pekasam.

Menurut Paksu Napi, usaha memproses ikan pekasam ini telah bermula sepuluh tahun yang lalu dan kini beliau merupakan satu-satunya pengusaha ikan pekasam yang telah mendapat kerjasama sepenuhnya dari pihak agensi kerajaan seperti PKINK dalam usaha memasarkan produk beliau.

“Alhamdulillah kini semakin ramai rakyat negeri ini berminat untuk memakan hasil ikan pekasam dan kini permintaan amat tinggi,” ujar beliau.

Paksu Napi ditemui di tempat memproses ikan pekasam milik beliau baru-baru ini.



PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan telah berusaha membantu Paksu Napi dalam menyertai pelbagai ekspo, seminar dan pameran yang melibatkan usahawan dari Kelantan.

“Saya mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua yang membantu saya dalam usaha memasarkan produk ikan Pekasam ini dan langkah yang dibuat oleh PKINK telah meningkatkan lagi permintaan terhadap ikan pekasam ini,” katanya lagi.

Dengan berbekalkan 10 tenaga kerja, Paksu Napi kini berjaya menjadi pembekal Ikan Pekasam ke seluruh negeri Kelantan di samping sering mengikuti agensi kerajaan dalam pelbagai ekspo yang di adalaha di seluruh Negara.

Beliau yang juga pernah mendapat anugerah Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan tahun 2006 dan



Tempat pertama Hasil Ikan Produk Ikan Pekasam sempena Ekspo Pertanian 2010 juga mengakui dengan menjadi pengusaha ikan pekasam ini beliau telah berjaya menunaikan haji sebanyak dua kali.

“Alhamdulillah, bagi Paksu walaupun orang ramai sering memandang remeh dalam menjadi pengusaha ikan pekasam ini, namun berkat rezeki hasil jualan ikan pekasam ini, paksu telah dapat menunaikan haji dan kini anak-anak juga sama-sama berminat untuk membesarkan lagi pengeluaran ikan pekasam,” katanya.

Sementara itu Pengurus Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK Hishamuddin Hussin ketika ditemui berkata usaha yang dijalankan oleh Paksu Napi ini amat wajar dicontohi oleh orang lain terutamanya anak muda dalam usaha memperkembangkan produk Ikan Pekasam hasil dari Ikan Air Tawar.

“Kita sering beranggapan kerja sebegini tidak boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan kerana berkisarkan produk ikan air tawar sahaja sedangkan permintaan terhadap produk ini kini amat tinggi dan ia patut diperluaskan lagi,” ujar beliau.

Hishamuddin juga berharap disamping dapat memasarkan Ikan Pekasam ini, ia juga dapat meningkatkan pendapatan bagi golongan nelayan sungai kerana mereka ini dapat membekalkan ikan tersebut kepada pengusaha Ikan Pekasam seperti Paksu Napi ini.



MAJLIS *Jasamu Dikenang*

KOTA BHARU: Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menganjurkan Majlis Jasamu dikenang dalam satu majlis makan tengahari di Hotel Perdana Kota Bharu, pada 9 Jun 2013. Majlis bagi meraikan Mantan Menteri Besar Kelantan YB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat tersebut turut dihadiri YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan, Ahli-Ahli exco, Ahli Lembaga Pengarah PKINK, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Pengurus-Pengurus Syarikat Anak PKINK dan seluruh Warga Kerja PKINK.

YB Tuan Guru mula menjadi Pengerusi PKINK sebaik sahaja PAS mengambil alih Kerajaan Kelantan mulai Oktober 1990. Sebaik sahaja YB Tuan Guru menjadi Pengerusi PKINK, Tuan Guru mula menerapkan agenda pembangunan negeri berdasarkan ajaran Islam. Simpanan PKINK telah dipindahkan ke akaun bank Islam. PKINK telah diamanahkan sebagai agensi pelaksana di dalam menjadikan Kelantan sebuah negeri dimana rakyatnya menikmati keberkatan, kemakmuran dan berkebahjikan dengan pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam.



PKINK di bawah pimpinan YB Tuan Guru telah bergerak bersama Kelantan di dalam menerajui perubahan sebagai penggerak pembangunan ummah. Antara perubahan-perubahan yang dilaksanakan ialah:

1. Menubuhkan Ar-Rahn, sebuah syarikat yang menjalankan urusan niaga pajak gadai Islam
2. Melaksanakan dasar perumahan minima 3 bilik beserta 2 bilik air.
3. Melaksanakan rumah mampu milik disetiap jajahan
4. Menubuhkan Pusat Rawatan Islam An-Nisa', kusus untuk wanita di Jalan Sultan Ibrahim, Kota Bharu.
5. Pinjaman kenderaan untuk anggota PKINK tanpa faedah/keuntungan.



PERSARAAN ANGGOTA PKINK



KOTA BHARU: Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah meraikan dua anggotanya yang telah bersara dalam satu Majlis yang telah diadakan di Dewan Seminar, Kelantan Trade Centre pada 9 Julai 2013.

Majlis telah dihadiri Tuan Ketua Eksekutif dan semua anggota PKINK, serta pengurus-pengurus syarikat anak. Majlis berlangsung bagi meraikan dua anggota PKINK, Haji Md Sanusi bin Ismail, pengurus Bahagian Industri & IKS dan Haji Nik Mohamed Kamal bin Nik Yusoff pengurus MIS.

Hj. Md. Sanusi Ismail memulakan perkhidmatan di PKINK pada 2 Mei 1982, dan memilih persaraan awal di usia 56 tahun setelah berkhidmat dengan PKINK selama 31 tahun. Sepanjang perkhidmatan beliau di PKINK selama tempoh tersebut, beliau pernah dipinjamkan ke beberapa syarikat anak seperti Kompleks Perumahan Kelantan Sdn Bhd pada tahun 1986, sebagai Pengurus Besar Syarikat Prokel Management Sdn Bhd mulai Februari 1990 hingga Julai 1993, dipinjamkan ke Syarikat Perusahaan Pertanian Kelantan Bhd sebagai Pengurus Operasi mulai Januari 1994 hingga Ogos 1995 dan dipinjamkan kepada Syarikat Binaraya PKINK Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar mulai Januari 1996 hingga Januari 2003.

Hj. Md. Sanusi bersara sebagai Pegawai Tadbir N54,



dengan jawatan terakhir sebagai Pengurus Tugas-Tugas Khas dan Pengurus Galakan Industri & IKS. Sepanjang perkhidmatan di PKINK, beliau pernah dianugerah Perkhidmatan Cemerlang PKINK Tahun 1986 dan Tahun 2003 dan juga mendapat Surat Penghargaan Inovasi Pentadbiran PKINK 1987. Disamping itu juga beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Kehormat Kelab Sukan dan Kebajikan Kumpulan PKINK (KSKK PKINK).

Hj. Nik Mohamed Kamal Nik Yusoff di lantik sebagai Pegawai Teknologi Maklumat F41 mulai bulan Mac 1983. Memilih bersara wajib pada usia 58 tahun selepas 30 tahun berkhidmat. Sebagai Pegawai Teknologi Maklumat beliau tidak dapat dipisahkan dengan computer dan sentiasa ditempatkan di Bahagian Pengurusan Sistem Maklumat (MIS) sebagai Pegawai biasa hinggalah menjadi Pengurus Bahagian dengan gred F48 pada Disember 2003. Sepanjang di PKINK beliau pernah menjawab Jawatan Setiausaha Kehormat dan Naib Yang Dipertua KSKK PKINK.

Jasa dan budi baik kedua pegawai tersebut akan dikenang oleh PKINK dan semua warga kerja.



KURSUS PROTOKOL

Bagi menampilkan imej dan berpotokol dalam sesuatu majlis rasmi atau tidak rasmi, Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menjalankan Kursus Protokol, Etiket Sosial Dan Pengurusan Majlis pada 21 dan 22 Julai 2013, bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Kursus ini telah dihadiri oleh 31 orang peserta terdiri daripada anggota Perbadanan, Syarikat anak Kumpulan PKINK dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan. Kursus ini telah meliputi konsep-konsep protokol dan etika social, imej diri, pengurusan majlis dan pengacara majlis yang telah dibentangkan oleh consultant jemputan iaitu En Aznan bin Abdul dari KIKEB Resources.

Dengan adanya kursus yang sebegini ianya akan dapat memberi input dan output yang baik kepada anggota-anggota yang terlibat.



KURSUS UNDANG-UNDANG BURUH

Bagi menambahkan ilmu pengetahuan dan pendedahan tentang peraturan-peraturan pekerja dan undang-undang buruh, unit latihan, bahagian pengurusan sumber manusia telah mengambil inisiatif mengadakan kursus Undang-Undang Buruh pada 5 – 6 Jun 2013, bertempat di Bilik Operasi, Bangunan PKINK.

Kursus ini telah dihadiri oleh anggota Perbadanan, syarikat anak dan agensi kerajaan. Dengan dihadiri oleh 37 orang peserta. Dengan adanya kursus ini para peserta kursus akan lebih mengetahui cara-cara keselamatan pekerja dan sebagainya.

BENKEL PENAMPILAN PROFESIONAL

UNIT Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan Bengkel Penampilan Profesioanal untuk kakitangan Perbadanan. Bengkel ini telah diadakan pada 15 dan 16 Mei 2013, bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK. Penceramah jemputan pada kali ini ialah seorang yang tidak asing lagi di dalam bidang penampilan iaitu Muna Izzah Fadzil seorang perunding imej Profesional bertauliah daripada konsultan Seanggun Bidadari.

Bengkel ini telah dihadiri oleh lebih kurang 30 oarang peserta dan meliputi penampilan asas, stail personality, analisis wajah, analisis tubuh, analisis warna, dress sense, make-up dan etiket. Objektif bengkel ini adalah untuk mengetahui kesan langsung imej individu terhadap reputasi organisasi dan membekalkan panduan berkaitan teknik berketerampilan dan penampilan.



Organizational Restructuring

Restructuring is the corporate management term for the act of partially dismantling or otherwise reorganizing a company for the purpose of making it more efficient and therefore more profitable. It generally involves selling off portions of the company and making severe staff reductions.

When discussing about restructuring, different individuals may have different perspectives of what the term meant to them. Some thought of it as making the necessary changes needed to move forward no matter how big or small it is. To others, it may means something more than just making changes but some major upheaval of the current situation towards a better position in their field. However, in the case of a corporate entity, a restructuring process must bring distinguishable changes either in the organizational output and input, staff performance, management and other aspects deemed important to ensure that the organization is achieving its goals as stated in the organization's mission statement.

Conley (1997) stated that the term restructuring could be seen as an attempt to get 'there' from 'here' where 'there' is the desired changes the organization wanted to be and 'here' is where the organization is placed now. He also added that while there may be lots of paths to follow in the process of restructuring of to get there, the organization should have a solid foundation of why restructuring is needed, what are the strategies that they wanted to employ and how they are going implement it so that they would achieve maximum returns from the changes done.





CREATING THE RIGHT ENVIRONMENT FOR RESTRUCTURING

The most critical environmental factors include:

- Freedom to act very differently from past organizational practice and from other organizational units. Organizations that achieve dramatic improvements shun enormous temptations to let efficiency, consistency, prior relationships, staff, customer and community preferences, and political concerns trump what's best for organizational results. They make big changes that work, even when inconvenient or uncomfortable.
- Accountability that is clear, frequently tracked, and publicly reported. If measurement systems are inadequate, improving them rather than failing to monitor is the solution for success.
- Timeframes that allow plenty of time for planning changes but very short timetables to demonstrate success on a limited number of targeted goals. Successful, big changes all get results fast. Results should be clear after one year. Speedy support of successful strategies and quick elimination of failed strategies happens only when timeframes are short. Longer term work is required to extend success and make it sustainable, but the initial burst of achievement is a hallmark of successful efforts at dramatic improvement.
- Support that helps without hijacking organizations' freedom to do things very differently. In any organization, financial, human resource, technical, data, and other service support is critical. But help should be provided with great care not to compromise changes that organizational leaders need to make.
- Choose the right leaders and manage them the right way. According to cross-organizational research, leaders who are effective in restructuring are different from leaders who are successful maintaining and improving already high-performing organizations. Importantly, these leaders do not do everything themselves: they motivate staff and other stakeholders to higher levels of performance. They utilize the talents of staff, external consultants, and others to balance their own strengths and get the job done.
- Ensure organizational practices: Effective organizational practices should be well looked into and organizations should employ effective practices that have been well-documented.
- Staffing: Managers and staff who support change and implement effective organizational practices are essential. Whether drawn from existing staff or hired from outside, staff members willing to do what works to ensure organizational success are critical.
- Capacity Building: Leaders in effective organizations are committed to helping their staff in improving their skills and working knowledge. They focus staff development activities on the entire staff and on the specific goals of the organization. They take an active role in planning, participating in, and evaluating professional development activities with their staffs. They facilitate opportunities for professional growth by enabling their staff to attend conferences, seminars and establishing mechanisms that facilitate the exchange of professional dialogue, and personally sharing ideas and materials with their staff.

It could be concluded that restructuring involves systematic changes which often mean managers, administrators, staffs and the entire organizational community are all involved in how the organization works. The organizational managers and leaders however are the main players in carrying out the many reforms designed by the stakeholders or interested parties to ensure a smooth and successful transition from the current situation to a better position in terms of educational reforms or as Conley (1997) termed it as moving 'here' to 'there' where 'there' is a better place to be.

WANITA: Fitnah Pakaian dan Fesyen

Hari ini di seluruh Malaysia, pakaian wanita menjadi suatu perkara yang penting untuk dibincangkan. Kerana padanya terdapat fitnah dan godaan. Kita merasa sedih dan simpati kepada sebahagian besar muslimah saat ini. Mereka tidak memahami apakah itu fesyen yang patuh syariah. Allah dan rasul sudah menegaskan kewajipan menjaga aurat dalam pemakaian. Namun sebaagian besar seperti tidak peduli malah menutup mata terhadap isu ini. Sedangkan mereka adalah golongan yang sangat mudah tergelincir ke dalam fitnah zina dan membuka pintu syahwat lelaki.

TUDUNG DAN SANGGUL

Saya ingin memetik sebahagian daripada Hadith nabi SAW yang diriwayatkan dari Abu Hurairah RA. Telah bersabda nabi SAW "Perempuan memakai pakaian tetapi keadaanya umpama telanjang (ketat), dan perempuan ini berjalan sambil berleenggang lenggok dan sanggul rambutnya (ataupun sekarang ikatan rambutnya) umpama bonggol unta. Perempuan yang sebegini keadaanya tidak akan mencium bau syurga. Ketahuilah bau syurga sudah boleh diciumi dari jarak begini dan begini" Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim, Imam Ahmad, Imam Malik dan selain mereka. Hadith ini adalah hadith sahih.

Allah SWT telah menyuruh para wanita menutup aurat dengan sempurna seperti yang disebut di dalam al-Quran. Perkara ini juga telah ditegaskan oleh Nabi SAW di dalam hadis yang sahih iaitu ancaman bagi mereka yang memakai pakaian yang ketat sehingga menampakkan bayangan tubuh, mendedahkan aurat, sanggul kepala mereka seperti bonggol unta dan sebagainya. Suruhan ini adalah amat penting bagi menjaga keselamatan mereka, di samping mentaati perintah dan suruhan Allah SWT.





Hadis di atas telah disyarahkan oleh Imam an-Nawawi Rahimahullah di dalam kitab syarah Sahih Muslim, beliau menyebut, “Makna bonggol unta itu ialah wanita yang membesarkan kepala-kepala dengan tudung mereka. Mereka meletakkan apa-apa sahaja bagi membesarkan kepala mereka sehingga seolah-olah kelihatan kepala mereka bagaikan bonggol di atas unta. Tambahnya lagi, perkara ini adalah bukti mukjizat kenabian, perkara ini telah terbukti pada zaman ini.” (Syarah Sahih Muslim oleh Imam an-Nawawi 5/291)

KRITERIA PAKAIAN HARAM

Hadis ini juga membawa maksud larangan terhadap beberapa jenis pakaian iaitu :

1 Wanita-wanita yang memakai pakaian nipis serta menampakkan kulit atau bayangan tubuh mereka. Terutamanya jenis tudung bawal berkain jarang. Menampakkan telinga dan bayangan rambut serta leher. Mereka berpakaian pada nama, namun telanjang pada hakikatnya. HARAM pakaian sebegini. Inilah golongan yang paling ramai bahkan termasuk sebahagian yang bergelar ustazah juga memakai tudung sebegini. Astaghfirullah!

2 Memakai pakaian yang menutup sebahagian aurat dan mendedahkan sebahagian lagi iaitu tidak menutupnya secara menyeluruh kawasan aurat yang wajib ditutup. Seperti memakai blouse yang terbelah sampai ke betis dan lain-lain. Tudung kecil dan singkat yang tidak menutup bahagian dada dengan baik. Ini juga trend kebanyakan wanita zaman sekarang. Ianya adalah HARAM.

3 Memakai pakaian yang ketat atau sendat hingga menampakkan bentuk tubuh.

Berdasarkan huraian hadith di atas, amat jelas menunjukkan bahawa balasan neraka bagi sesiapa yang melakukan perbuatan di atas. Ulama telah menjelaskan bahawa dosa besar adalah dosa yang terdapat keterangan murka dan balasan neraka, maka pakaian wanita sebegini sebenarnya termasuk dalam dosa-dosa besar.

HUKUM MEMAKAI HARUMAN

Antara perkara yang perlu diawasi oleh muslimah ialah pemakaian minyak wangi apabila berada di luar rumah. Sebuah hadith sahih menyebut “Dan seseorang wanita apabila dia berwangi-wangian & melalui satu majlis, maka dia seperti berzina.”

Dalam riwayat lain pula “Mana-mana wanita yang berwangi-wangian melalui suatu kaum & mereka mencium bau harum daripada wanita itu, maka seolah-olah wanita itu berzina.” (riwayat Abu Daud, Ahmad, al-Tirmizi & al-Nasa’i)

Berbeza bagi seorang isteri di rumah, dia digalakkan memakai apa-apa jenis minyak wangi ketika bersama-sama suaminya di rumah.

SOLEKAN DAN LIPSTIK

Wanita diharuskan bersolek di wajah setelah memenuhi beberapa kriteria berikut :

1 Bersolek & merias wajahnya untuk suami sahaja & bukan di khalayak ramai walaupun dengan izin suami. Bersolek menjadi haram apabila dipakai ketika hanya mahu keluar dari rumah sahaja, sedangkan semasa di rumah tidak pula bersolek.

2 Alat-alat solek tidak mempunyai bahan-bahan haram seperti alkohol, uri / plasenta serta bahan-bahan kimia yang tinggi hingga boleh membahayakan kulit wanita.

3 Haram solekan yang tebal sehingga wajahnya berubah menjadi lain kerana Allah & Rasul-Nya tidak menyukai sesuatu yang bersifat melampau. Tidak melampau bererti tidak memakai solekan berwarna terang yang boleh menarik perhatian lelaki seperti pemerah pipi, pewarna mata dan celak yang begitu kuat.

4 Bedak yang halal dibenarkan penggunaannya jika olesannya nipis. Iaitu sekadar membersihkan minyak dan daki di wajah untuk kelihatan segar serta membuatkan orang yang sedang berurusan dengannya merasa selesa.

KONKLUSI

Wanita diharuskan keluar bekerja oleh syarak selagi mana mereka tahu menjaga batasan syariah dalam pergaulan serta pemakaian. Jika mereka gagal mematuhi syariah bererti mereka keluar membuat dosa. Adalah malang bagi suami yang membiarkan isteri keluar dari rumah tanpa menutup aurat dengan sempurna. Kerana secara automatik dia akan dihukum sebagai dayus. Lelaki yang dayus tidak akan mencium bau syurga. Waspadalah terhadap hukum, kerana kita semuanya mahu selamat di akhirat. Jangan biarkan kebutaan pada fesyen menjadi punca kita terjatuh ke dalam neraka. Nauzubillah!



انم لڭكه اونتوق فغوروسن ماس يڭ باءيق

دسونتيغ اوليه

احمد عبيدالله بن الياس

فغوروسن ماس بوكن سواتو يڭ اينتيغ، ماله ممرلوكن لاتيهن يڭ برتروسن دان سيكف يڭ تكوه. هاش اورغ يڭ كونساستن اكن ممفو مغوروسن ماس دغن باءيق. اقابيللا اندا بلاجر دان ممفو مغلكن كماهيرن فغوروسن ماس يڭ باءيق، اندا اكن بيبس دري تكنن 'داد لايڭ' دان دري تكنن سچارا عموم. اندا اكن منجادي لبيه فرودوقتيغ، كورغ برلغاه لغاه دان ممفوپاءي لبيه بايق ماس اونتوق بريحت. دغن ايت اي ممبنتو مغورغكن لاكي تكنن دان كيمبغن.

كماهيرن فغوروسن ماس اداله سفرتي كاسوت اتاو سيفسغ سلوار اندا موغكين فرلو منچوبا ببراڤ فاسغ سلوم اندا منموكن ساءيزش يڭ بتول دان سليسا. نه، ايتله فغوروسن ماس. اي اداله بريذا اونتوق ستياڤ اورغ دان اندا فرلو منچاري اف يڭ ترءاءيق اونتوق اندا. برايكون اداله ببراڤ چادغن يڭ بركوموغكين امت باءيق اونتوق اندا چوبا.

1. بوات سناراي فركارا يڭ ايغين دلاكون. اندا فرلو ممبوات سناراي فركارا يڭ اندا بنر بنر فرلو لاكون. اندا موغكين ماهو منتفكن فريغائن قد تيليفون دان كومفوتر. سناراي ترسبوت بيارله ريليون دان مغاندوغي فركارا يڭ فنتيغ. ماله اندا فرلو اونتوق ممستيكن سناراي اندا ممفو دچاقاي. تياد سياقا يڭ ماهو 30 ايم سناراي توگسن دان فرلو، قد اخير هاري، مليهت 20 ايم يڭ تيدق دلاكون. كاوتامان اندا دان كفرلوان اورغ لايڭ دان مرنچغ سواجرش. اندا جوگ موغكين ماهو ممبوات تيگ سناراي فريبادي، رومه دان كرجا.

2. منتفكن تاريخ اخير. ايغت، تيدق اد گوناش دالم منتفكن تاريخ اخير جك اندا ممبوات كفوئوسن اونتوق سنتياس منولق تاريخ اخير ترسبوت. تنفكن تاريخ اخير



كمو غكينن يڭ چوبا مڭهالڭ كرجا اندا، سكالينگوس اندا ممفو مپمفورناكن توگس ترسبوت دغن باءيق.

3. هنتيكن كقلاباكايا ن توگس. مولتيتسكيرس سريغ بير غكڭن بهاوا مريك منداقت لبينه بايق كجايا ن، تتاقي اي بوكن چارا يڭ قاليغ فرودوقتيغ اتاو چكڭف. ماري كيت هادقي ايت، فيكي رن كيت برفو غسي دغن لبينه باءيق اقابلا كيت بنر بنر داقت ممبري تومفوان دان مينومفوكن فرهاتين كڭد ساتو فركارا.

4. مواكيلن تڭكو غجواب. باكي كيت يڭ سوك مڭاول سيتواسي اكن مڭهادقي سديكيت كبيمبغن. كيت فرلو فهم حقيقة ايايت والو سبايق مانفون كرجا كيت، كيت تتف تيدق بوليه ملاوكن سگالا كالنيا. كادغ كادغ كيت مڭمبيل لبينه درفد اڭ يڭ كيت بوليه كندالين. مواكيلن توگس بوكن تندا كلمهن، تتاقي تندا كچرداسن. چاري اورغ يڭ برويبوا، بوليه دفرچا ياي دان سيلاكن بركو غسي تڭكو غجواب. اي اكن ممبوليهكن اندا اونتوق منجادي كورغ ترركان دان لبينه فرودوقتيغ.

5. گوناكن دوونتيمي (ماس منو غكو) اندا. تيف اين ممرلوكن بيراف فرتيمبغن. مڭگونان سوما دوونتيمي اندا اونتوق مرنچغ كاوتامان اداله تيدق باءيق دان بوليه منيغكتكن تكنن فراسان. والو باكايمانافون، جك اندا منداقتي ديري اندا سسق دالم ترافيق اول فاكي، اين بوليه دگونان اونتوق مپوسون كاوتامان اندا اتاو ممبوات فرانچغن باكي ماكن مالم. جك اندا سداغ منو غكو د فجابت دوكتور، اين بوليه منجادي ماس يڭ باءيق اونتوق منوليس سناراي رونچيت. (جاغن لوقا اي.) جك اندا ممفوپا يي فلواغ سقرتي اين مك منفعتكن سبايق موغكين، تتاقي اندا فرلو ايغت اونتوق مڭگونان ماس ترسبوت اونتوق منداقتكن ريحت سچوكوڭش.

6. بريكن كنجرن قد ديري سنديري. اقابلا اندا منچاقاي سسواتو، اندا واجر مرءيقانن! باكايمانانا اندا مرءيقان اداله ترقولغ كڭد اندا. نصيحت ساي اندا فرلو ممستيكن اڭ سهاج يڭ اندا ماهو لاکوكن قستيكن اياش سسواتو يڭ صيحت، قستيكن اي سسواتو يڭ اندا بنر بنر نعمتي، تيدق ملاوكنش سچارا برلبينه، دان جاغن بياركن اي مپبيكن اندا ترون دور ك بلاكغ. فغوروسن ماس اداله سسواتو يڭ فنئيغ



Pengetahuan Asas Pertolongan Cemas:

RENJATAN (SHOCK)

KEGAGALAN Sistem Peredaran Darah berfungsi menyebabkan bekalan darah dan zat makanan tidak sampai ke tisu-tisu. Kejadian renjatan boleh berlaku atas sebab-sebab berikut:

- ✚ Tumpahan Darah atau Plasma yang banyak
- ✚ Kesakitan yang amat sangat, terlalu terkejut dan cedera parah
- ✚ Kehilangan cecair dalam tubuh seperti cirit-birit, muntah-muntah dan sebagainya
- ✚ Suntikan, sengatan serangga, patukan ular atau kejutan elektrik
- ✚ Disebabkan penyakit kronik dan penyakit jantung
- ✚ Kekurangan pengaliran darah dalam tubuh

Tanda-tanda awal bagi mangsa renjatan :

- ✚ Pucat terutama pada kulit, bibir dan kelopak mata
- ✚ Peluh sejuk
- ✚ Berasa dahaga
- ✚ Nadi cepat tetapi lemah
- ✚ Nafas cepat dan sesak
- ✚ Terasa loya dan hendak muntah
- ✚ Pandangan kabur dan berasa berpusing-pusing
- ✚ Rasa hendak pengsan dan pandangan gelap

Apabila kita berhadapan dengan gejala ini, kaedah pengurusan pertolongan cemas yang perlu ditentukan adalah sepertimana perkara-perkara berikut :

- ✚ Baringkan pesakit, tinggikan bahagian kaki
- ✚ Pastikan punca dan sebabnya.
- ✚ Miringkan muka pesakit ke kiri atau ke kanan
- ✚ Longgarkan pakaian pesakit yang ketat
- ✚ Selimutkan pesakit, jangan gunakan selimut yang tebal
- ✚ Tahan darah jika pesakit cedera
- ✚ Basahkan bibir pesakit, jika haus tapi Jangan beri minuman jika terdapat pendarahan
- ✚ Hantar pesakit ke Hospital dengan kadar segera



sumber: Bulan Sabit Merah Malaysia

Experience the charms of
Urban Living!



Apartment

D'PERDANA
Jln. Cemilang 3



Penthouse
4 Units

1 Bedroom
62 Units

2 Bedroom
67 Units

Studio
111 Units

Shop Lot
6 Units

- PERCUMA YURAN SERVIS SELENGGARA 2 TAHUN PERTAMA
- KEDIAMAN GAYA HIDUP MODEN • LOKASI YANG STRATEGIK
- SISTEM KESELAMATAN YANG CANGGIH • 1 UNIT PARKIR PERCUMA



244 UNIT
(25 TINGKAT)
Servis
Apartment

No. Loten Perdana: 1116-1120-1211-1220. Tempah Sah Perdana: 17-08-2013 hingga 24-08-2013. No. Permit Siten & Sajian: 1126-1127-1211-1220. Tempah Sah Permis Siten: 18-10-2013 hingga 18-10-2013.
Pihak Perdana Mahkota Plan: 19118-01-Du. Rejukan Plan: 19118-01-Du. Rejukan Plan: 19118-01-Du. Rejukan Plan: 19118-01-Du. Rejukan Plan: 19118-01-Du. Rejukan Plan: 19118-01-Du. Rejukan Plan: 19118-01-Du.
Rangka Mahkota: RM 1,200,000.00. Tarikh Kelangkaan: 15/08/2014. Jenayah: 2004/104/04.

TERES 2 TINGKAT

24 UNIT
4 Bilik • 3 Bilik Air



BANGLO 1 TINGKAT

16 UNIT
(JENIS C)
4 Bilik • 3 Bilik Air

6 UNIT
(JENIS D)
3 Bilik • 2 Bilik Air



SELEHONG UTARA,
TUMPAK, KELANTAN

Apartment

Perdana Resort
Pantai Cahaya Bulan

**90% SIAP
PEMBINAAN**



51 UNIT
(FASA 1)

3 Bilik • 2 Bilik • 1 Bilik
PERABOT LENGKAP
SEPENUHNYA

Projek Kumpulan PKINK :



Dimajukan Oleh :



SPP DEVELOPMENT SDN BHD
(Syarikat Kumpulan PKINK) (17229-B)
Arao 5 - A Menara Pejabat Kelantan Trade Centre Jalan Bayan 15200 Kota Bharu Kelantan
www.spp_pkink.com.my | www.facebook.com/sppdevelopment

DIBUKA UNTUK JUALAN

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

09 741 4300 | 09 741 4518